



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN
INOVASI (PPPI)
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**TERMA DAN RUJUKAN
DANA INOVASI SEKOLAH (DIS)
(Tahun 2020)**

1.0 LATAR BELAKANG

Dana Inovasi Sekolah (DIS) adalah Geran Inovasi bersifat jangka pendek (12 bulan) yang dibiayai daripada sumber dana inovasi Universiti Malaysia Sabah (UMS). Dana ini bertujuan untuk membantu dan menggalakkan pembangunan inovasi dan daya penciptaan di kalangan pelajar sekolah rendah atau menengah di Sabah. Dana ini diperuntukkan khusus untuk sekolah rendah atau menengah yang mempunyai idea dan kreativiti serta memerlukan bantuan kepakaran dari UMS bagi menterjemahkan idea dan kreativiti tersebut ke tahap produk atau projek berimpak.

2.0 OBJEKTIF DANA

- 2.1 Menggalakkan budaya inovasi di kalangan pelajar sekolah dengan menyediakan mekanisme pembiayaan dan penyaluran kepakaran untuk membangunkan produk atau projek yang berimpak.
- 2.2 Menanam budaya inovasi di kalangan pelajar sekolah, untuk memupuk minat di dalam bidang sains atau sastera dan seterusnya melanjutkan pengajian ke peringkat tertinggi.
- 2.3 Mewujudkan persekitaran inovatif di kalangan pelajar sekolah dan memberi berpeluang kepada mereka, bekerjasama dengan pensyarah UMS untuk menjana idea menjadi realiti.

3.0 BIDANG DAN SKOP PROJEK

Pembiayaan dana ini meliputi bidang-bidang asas sains gunaan dan bukan sains yang dapat menyokong dan membangunkan budaya inovatif di kalangan pelajar sekolah. Penyelidik UMS akan memberi khidmat nasihat kepada para pelajar dalam membangunkan produk atau projek berimpak sedia ada tanpa penghasilan produk baru.

4.0 PROSEDUR PERMOHONAN DAN PENILAIAN

- 4.1 Pemilihan sekolah oleh setiap Fakulti/Institut/Pusat (FPI) adalah berdasarkan Zon Sabah yang disenaraikan dalam **Lampiran 1**. Jangkamasa projek adalah selama **6 - 12 bulan sahaja**.
- 4.2 Dana sebanyak **RM25,000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh Lima Ribu Sahaja)** diperuntukkan kepada setiap FPI untuk pelaksanaan aktiviti yang dimaksudkan. Perancangan perbelanjaan aktiviti adalah disediakan oleh FPI masing-masing mengikut keperluan projek atau sekolah, berdasarkan siling dan vot yang telah ditetapkan.

- 4.3 Pengurusan kewangan akan diselia oleh Timbalan Dekan/Pengarah (Penyelidikan & Inovasi) FPI, melalui akaun amanah, Dana Inovasi Sekolah (DIS). Pengagihan kepada setiap FPI adalah melalui satu akaun amanah yang akan diwujudkan atas nama Timbalan Dekan/Pengarah (P&I) di FPI masing-masing.
- 4.4 Pemohon selaku Ketua Projek mestilah daripada kalangan kakitangan akademik Fakulti/Institut/Pusat dan wajib mengemukakan kertas cadangan projek beserta perincian bajet yang dimohon. Penilaian permohonan dana akan dikendalikan di peringkat FPI mengikut peraturan kewangan UMS dan dipantau oleh PPPI. Surat kelulusan akan dikeluarkan oleh Dekan/Pengarah FPI mengikut keputusan Jawatankuasa Penilaian (4.6) dan peraturan UMS sediaada.
- 4.5 Ketua Projek wajib mengemukakan kertas cadangan projek mengikut format berikut:
- i. Tajuk Projek;
 - ii. Ketua (Ahli Akademik) dan Ahli Projek (termasuk pelajar dan guru sekolah);
 - iii. Tujuan, Latarbelakang, Objektif Projek dan Intervensi yang dimaksudkan;
 - iv. Perincian bajet mengikut vot yang telah ditetapkan;
 - v. Aktiviti Projek, carta perbatuan dan carta alir; dan
 - vi. Hasil Projek (termasuk prototaip, harta intelek produk, modul, pencapaian bintang MyRA dan sebagainya).
- 4.6 Penilaian di peringkat Fakulti/Institut/Pusat akan dilakukan melalui satu sesi pembentangan (diminitkan oleh FPI) oleh Jawatankuasa Panel Penilai yang terdiri daripada:
- i. Dekan/Pengarah FPI - Pengerusi
 - ii. Timbalan Dekan / Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi)
 - iii. Timbalan Pengarah (Inovasi)/Wakil - PPPI
 - iv. Penolong Pendaftar FPI (setiausaha/urusetia)
 - v. Satu Wakil Akademik FPI
- 4.7 Kriteria penilaian projek adalah seperti berikut:
- i. Kesesuaian latar belakang projek dan inovasi yang perlu dibangunkan;
 - ii. Pernyataan masalah adalah jelas untuk menyelesaikan masalah;
 - iii. Projek menunjukkan keaslian dan daya inovasi yang disumbangkan;
 - iv. Kesesuaian ketua dan ahli projek;
 - v. Cadangan belanjawan adalah munasabah;
 - vi. Projek mampu berkembang menjadi produk atau projek inovasi yang berimpak; dan
 - vii. Output dan jenis harta intelek yang akan didaftarkan (paten, '*copyright*', '*trademark*' atau '*tradesecret*').

4.8 Bagi projek yang melibatkan manusia atau haiwan perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Etika yang berkaitan.

5.0 PERATURAN KEWANGAN

5.1 Prosedur pembelian serta penggunaan dana harus mematuhi peraturan kewangan serta pekeliling kewangan yang digunapakai dan sedang berkuatkuasa di UMS.

5.2 Sebarang perbelanjaan yang tidak disenaraikan dalam kertas cadangan asal hendaklah memohon kelulusan daripada PPPI terlebih dahulu.

5.3 Pengurusan kewangan geran akan diselenggara oleh FPI mengikut prosedur kewangan sedia ada.

5.4 **Vot perbelanjaan yang dibenarkan adalah:**

i. **Vot 21000 – Perjalanan dan pengangkutan**

Perjalanan domestik/kerja lapangan yang berkait langsung dengan projek sahaja. Aktiviti dan cadangan perbelanjaan hendaklah diperakukan dalam kertas cadangan asal.

ii. **Vot 24000 – Sewaan**

Sewaan kenderaan dan peralatan khas yang tidak terdapat di UMS sahaja dibenarkan.

iii. **Vot 27000 – Bekalan dan bahan**

Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan projek sahaja.

iv. **Vot 29000 – Perkhidmatan**

- Perkhidmatan ikhtisas yang tidak terdapat di UMS sahaja dibenarkan.
- Lantikan enumerator adalah dibenarkan.
- Yuran penyertaan pertandingan dan pameran dibenarkan.

5.5 Perbelanjaan yang melibatkan pemindahan dana, pembelian fasiliti dan aset adalah tidak dibenarkan

6.0 IMPLEMENTASI DAN OUTPUT PROJEK

6.1 Semua projek yang diluluskan akan dipantau oleh FPI dan PPPI dari aspek:

- (i) Prestasi projek; dan
- (ii) Prestasi kewangan akaun amanah.

- 6.2 Timbalan Dekan/Timbalan Pengarah (P&I) FPI bertanggungjawab menyediakan dan membenteng laporan prestasi projek dan kewangan di peringkat Jawatankuasa Penyelidikan dan Inovasi (JKPI) yang dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (P&I).
- 6.3 Fakulti/Institut/Pusat mesti menamatkan semua projek mengikut tempoh yang ditetapkan. Pelanjutan projek tidak dibenarkan.
- 6.4 Pihak FPI adalah bertanggungjawab memaklumkan kepada PPPI dan menamakan pengganti sekiranya Ketua Projek berpindah/cuti belajar/cuti sabatikal/sakit dan sebagainya.
- 6.5 Produk yang dihasilkan mestilah memenuhi serta mencapai objektif asal permohonan yang dikemukakan oleh pemohon. Output projek mestilah dinyatakan dengan jelas samada dalam bentuk prototaip, penerbitan dan harta intelek. Penyelesaian masalah yang dicapai dan implikasinya mestilah dinyatakan dengan jelas serta mencapai sekurang-kurangnya penarafan 3 bintang jaringan komuniti (MyRA).
- 6.6 Hak Harta Intelek - Hak harta intelek produk dan teknologi asal adalah milik sekolah. Sekiranya perlu Ketua Projek (UMS) hendaklah memohon perlindungan harta intelek ke atas proses atau prosedur baru yang diperkenalkan dalam inovasi sediaada melalui PPPI. IP produk baru yang dihasilkan akan menjadi hakmilik bersama antara UMS dan Sekolah.
- 6.7 Perlindungan harta intelek dan pengkomersilan harta intelek (sekiranya ada) hendaklah mematuhi Polisi Harta Intelek UMS yang sedang berkuatkuasa.

7.0 LAPORAN AKHIR

- 7.1 Laporan akhir pelaksanaan projek perlu dihantar dalam tempoh **satu (1) bulan selepas projek tamat** dengan mengemukakan perkara berikut:
- i. Borang R4 (Borang Laporan Akhir Projek Penyelidikan);
 - ii. Profil Projek (dalam 5 muka surat);
 - iii. Penyata kewangan yang menunjukkan butiran perbelanjaan;
 - iv. Borang soal selidik penilaian impak projek pemindahan ilmu/teknologi kepada sekolah; dan
 - v. Borang penilaian impak projek pemindahan ilmu/teknologi kepada sekolah bertaraf 3 bintang mengikut MyRA.
- 7.2 Semua projek sekolah adalah **DIWAJIBKAN** untuk menyertai PEREKA pada tahun semasa (PEREKA 2020) atau tahun berikutnya.

LAMPIRAN 1**SENARAI PEMBAHAGIAN DAERAH BAGI SETIAP FAKULTI/ PUSAT/ INSTITUT**

Bil	Fakulti/Institut	Daerah
1	FSSA	Tawau
2	FSSK	Ranau, Tongod
3	FPEP	Tenom, Nabawan, Pensiangan
4	FPP	Kota Belud, Kota Marudu
5	FKJ	Kota Kinabalu, Tuaran
6	FSMP	Penampang, Papar
7	FPSK	Kudat, Pitas
8	FKI	Sandakan
9	FKAL	Labuan
10	FPL	Beluran, Kinabatangan
11	PPIB	Pitas, Kota Marudu
12	IBTP	Tambunan, Keningau
13	IPMB	Sipitang, Kuala Penyu, Beaufort
14	IPB	Lahad Datu
15	PPST	Kota Belud, Telupid
16	BORIIS	Kunak, Semporna